

PANDUAN

Bina Semula Negara.



I-CPI
Centre for Policy Initiatives

Ubah pendekatan menggubal dasar



- **Rakyat menunggu manifesto Barisan Nasional dan Pakatan Harapan**
- **Mendemokrasikan kaedah menggubal dasar: dari parti politikewartakan rancangan mereka, tiba masanya parti politik mendengar kehendak rakyat**
- **Parti yang berjaya membuktikan kesungguhan dan kebolehan melaksanakan dasar yang dituntut rakyat sepatutnya menang**

Panduan Bina Semula Negara #PBSN dalam 3 jilid



- **Panduan Bina Semula Negara #PBSN (atau *A Guide to Rebuilding Our Nation*) dalam 3 jilid:**
 - **Jilid I (Mei 2017) – reformasi ekonomi rakyat menyentuh kenaikan gaji, peluang pekerjaan dan kos sara hidup**
 - **Jilid II (Julai 2017) – reformasi kerajaan dan perkhidmatan awam menyentuh dasar banteras rasuah dan penstrukturan perkhidmatan awam**

Panduan Bina Semula Negara #PBSN dalam 3 jilid



- **Panduan Bina Semula Negara #PBSN (atau *A Guide to Rebuilding Our Nation*) dalam 3 jilid:**
 - **Jilid III (September 2017) – reformasi bina keupayaan menyentuh reformasi pendidikan dan pengajian tinggi, reformasi sektor perkhidmatan utama rakyat seperti kesihatan, kebajikan rakyat dan warga emas**

Proses “bawah ke atas” dalam menggubal dasar




- **Kandungan disebarluas dalam bentuk khusus: *kertas dasar, petisyen dan surat terbuka***
- **I-CPI akan menyediakan ruang untuk orang ramai memberi maklumbalas dan diikuti dengan kajiselidik menilai penerimaan rakyat kepada cadangan-cadangan utama**
- **I-CPI akan mendapatkan *endorsement* dari Ahli Parlimen, parti-parti politik, NGO dan kumpulan rakyat ke atas cadangan-cadangan utama**

Kenapa bermula dengan reformasi tenaga kerja dan kos sara hidup?



35%
belum buat keputusan

Sumber: Kajiselidik I-CPI, April 2017




PRU14 akan ditentukan oleh “pengundi atas pagar” yang tidak mempunyai kesetiaan kepada mana-mana parti politik

Ciri-ciri pengundi atas pagar



**Saya Dapat
Apa? #SDA
Isu ekonomi
lebih dominan**



**Maklumat sampai
melalui media sosial
seperti Facebook**

**Tidak gemarkan politik, hanya 5% purata masa
sehari untuk politik. Tidak mengenali tokoh**

Dasar Kerajaan dan Ekonomi Rakyat: *Bebanan ekonomi rakyat*



KERAJAAN

- ① Tetapkan undang-undang yang kawal selia perniagaan & jual beli.
- ② Menentukan cukai yang dibayar syarikat & perniagaan.
- ③ Tetapkan harga barang asas yang menjadi kos utama barang & perkhidmatan.
- ④ Tetapkan dasar ekonomi makro yang tentukan kepesatan ekonomi & kekuatan matawang.
- ⑤ Memiliki syarikat GLC yang menjual barang & perkhidmatan kepada rakyat.



Penglibatan dan campur tangan kerajaan yang tinggi dalam ekonomi menyebabkan pengaruh dasar dan amalan kerajaan sangat tinggi dalam menentukan gaji, peluang kerja dan harga barang

Dasar Kerajaan dan Ekonomi Rakyat: *Tiga prinsip teras*



Ada Apa Dengan Pekerja: *Kenaikan gaji yang rendah*



	2014	2015	2016
Gaji median pekerja Malaysia	RM1,500	RM1,600	RM1,703
Gaji purata pekerja Malaysia	RM2,193	RM2,312	RM2,463
% kenaikan gaji median		6.7%	6.4%
% kenaikan gaji purata		5.4%	6.5%
% kenaikan inflasi tahunan		3.5%	1.9%
Purata % kenaikan gaji sebenar (selepas ditolak inflasi) median/purata		2.6%	4.6%

Perangkaan kenaikan gaji 2014, 2015 dan 2016

Ada Apa Dengan Pekerja: *Kenaikan gaji yang rendah*



	% kenaikan gaji	% inflasi	% kenaikan gaji sebenar
Malaysia	3.9%	1.9%	2.0%
Indonesia	2.4%	3.7%	1.3%
Thailand	6.1%	0.2%	5.9%
Vietnam	7.3%	2.8%	4.5%
Filipina	5.2%	1.7%	3.5%
China	6.3%	2.1%	4.2%
India	4.7%	5.2%	(0.5%)

*Perangkaan kenaikan gaji 2016 mengikut negara
(Sumber: Korn Ferry Hay Group)*


Ada Apa Dengan Pekerja: *Kenaikan gaji yang rendah*



	% kenaikan gaji	% inflasi	% kenaikan gaji sebenar
Malaysia	5.8%	3.5%	2.3%
Indonesia	8.6%	4.0%	4.6%
Thailand	5.8%	2.3%	3.5%
Vietnam	10.0%	4.4%	5.6%
Filipina	6.0%	3.5%	2.5%
China	6.1%	3.7%	2.4%
India	10.0%	4.8%	5.2%

*Perangkaan kenaikan gaji yang diunjurkan bagi 2017 mengikut negara
(Sumber: Korn Ferry Hay Group)*

Ada Apa Dengan Pekerja: *Kenaikan gaji yang rendah*





*% nilai ekonomi dijana yang sampai kepada pekerja sebagai gaji
(% gaji dari KDNK) (Khazanah Research Institute)*

**Perkongasian yang tidak adil:
Hanya 35% dari ekonomi yang dijana pekerja dipulangkan sebagai gaji**

Ada Apa Dengan Pekerja: *Lambakan pekerja asing*



  PORTAL RASMI
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA
NEGARAKU SELAMAT SEJAHTERA

search...

WARGA AWAM WARGA KDN AGensi KERAJAAN

UTAMA MAKLUMAT KORPORAT MAKLUMAT PERKHIDMATAN TENDER BORANG PERKHIDMATAN ONLINE DIREKTORI

Bahagian Pengurusan Pekerja Asing

- Pengenalan
- Piagam Pelanggan
- Carta Bahagian
- Maklumat Perkhidmatan**
- Dasar-Dasar Semasa
- Senarai Syarikat Outsourcing
- Direktori Agensi Kawal Selia
- Senarai Semak Permohonan Pekerja Asing
- Senarai Bank/Agensi Kewangan Yang Diterima Untuk Bayaran Levi
- Soalan-Soalan Lazim
- Hubungi Kami
- Permohonan Penggajian Pekerja Asing Secara Online

Laman Utama / Maklumat Perkhidmatan

Maklumat Perkhidmatan

Posted in Bahagian Pengurusan Pekerja Asing
SEKTOR YANG DIBENARKAN

Bahagian ini memproses permohonan pengamblan pekerja asing mengikut sektor-sektor yang dibenarkan sebagaimana berikut:

Perkilangan
Pembinaan
Pertanian
Perladangan
Perlombongan & Pengkuarian
Perkhidmatan:

- (a) Sub-sektor Restoran (tukang masak sahaja)
- (b) Sub-sektor Pencucian dan Pembersihan
- (c) Sub-sektor Pulau Peranginan
- (d) Sub-sektor Hotel
- (e) Sub-sektor Spa & Refleksologi
- (f) Sub-sektor Kedi (Lelaki)
- (g) Sub-sektor Pengendalian Kargo (Pelabuhan & Lapangan Terbang)

Lambakan kerana pekerja asing dibenarkan di dalam sektor dan jenis pekerjaan yang boleh diisi pekerja tempatan

Ada Apa Dengan Pekerja: *Lambakan pekerja asing*



Jumlah pekerja asing (berdaftar dan tidak berdaftar)

6 juta atau 40% tenaga kerja

2010	2011	2012	2013	2014	2015
1.82 juta	1.57 juta	1.57 juta	2.25 juta	2.07 juta	2.14 juta


*Jumlah pekerja asing berdaftar di Malaysia
(Sumber: Kementerian Dalam Negeri)*

Jumlah pekerja asing menjelang 2034

7.5 juta

**atau kumpulan kedua terbesar mengatasi
rakyat Malaysia berbangsa Cina dan India**

Ada Apa Dengan Pekerja: *Pengangguran yang tinggi*



Jumlah pekerja diberhentikan (Sumber: Kementerian Sumber Manusia)

**2 kali ganda
lebih ramai di
buang kerja
berbanding 14
tahun lepas
walaupun
pertumbuhan
ekonomi
sama**

Reformasi Dasar Tenaga Kerja: *Peluang kerja dan gaji yang lebih adil*



- **Dasar tenaga kerja mempunyai kesan yang paling besar kepada paling ramai rakyat Malaysia**
- **Latar belakang sejarah sosio, ekonomi dan politik Malaysia banyak dipengaruhi oleh dasar tenaga kerja yang tidak berpandangan jauh oleh penjajah British**
- **Kaedah paling berkesan mengurangkan prasangka perkauman melalui reformasi dasar tenaga kerja**

Reformasi Dasar Tenaga Kerja: *Menghapus diskriminasi kerja*



REFORMASI PERTAMA

Menghapuskan diskriminasi peluang pekerjaan

Salah satu “candu” paling berkesan yang menghidupkan prasangka perkauman di negara ini ialah perasaan wujudnya diskriminasi terhadap kaum-kaum tertentu dalam mendapatkan peluang pekerjaan.

Perasaan yang menebal ini menyebabkan timbul perasaan benci terhadap kaum lain kalau pun seseorang itu langsung tidak berminat dengan politik atau tidak ambil tahu tentang apa yang terjadi di sekeliling mereka. Sentimen bahawa diskriminasi terhadap pemohon pekerjaan dari kaum-kaum tertentu telah berjaya melonjakkan perasaan perkauman merentasi batas politik kerana ia menjadi motif yang cukup kuat kenapa sesuatu kaum itu tidak boleh dipercayai.

Reformasi Dasar Tenaga Kerja: *Menghapus diskriminasi kerja*



**Penubuhan
Suruhanjaya Keadilan
dan Kepelbagaian
Peluang Kerja
(SKKPK)**

**Pengenalan Indeks
Kepelbagaian dan
Penyata Kepelbagaian**

**Insentif dan denda
untuk menggalakkan
kepelbagaian**

Bentuk Diskriminasi	Penjelasan	Bagaimana diskriminasi berlaku
Langsung	Sebarang perlakuan, amalan, dasar atau peraturan yang dibuat oleh majikan yang menyebabkan seorang pemohon kerja atau pekerja diberi layanan berbeza atau kelebihan berbanding pemohon atau pekerja lain atas sebab kaum, agama, jantina atau kelainan upaya.	<p>Pekerja yang berlainan bangsa dibayar gaji dan pangkat yang berbeza sedangkan mereka membuat kerja yang sama.</p> <p>Mengasingkan pekerja mengikut kaum di tempat kerja.</p> <p>Dasar pengambilan kerja yang memberi kelebihan kepada satu kaum atau kumpulan tanpa sebab perniagaan yang sah.</p> <p>Sebarang perlakuan, amalan, dasar atau peraturan yang nampak sama kepada semua pekerja tetapi mendatangkan kesan yang lebih negatif kepada seseorang atas sebab kaum, agama, jantina atau kelainan upaya.</p>
Tidak Langsung	Sebarang perlakuan, amalan, dasar atau peraturan yang nampak sama kepada semua pekerja tetapi mendatangkan kesan yang lebih negatif kepada seseorang atas sebab kaum, agama, jantina atau kelainan upaya.	Seorang pekerja dipecat atas alasan selalu lewat ke mesyuarat tetapi mesyuarat yang dijadualkan bertembung dengan tanggungjawab agama, sedangkan mesyuarat boleh dijadualkan pada waktu lain.

Reformasi Dasar Tenaga Kerja: *Hapus kebergantungan pekerja asing*



REFORMASI KEDUA

Menghapuskan kebergantungan kepada pekerja asing

Dalam banyak-banyak penyelesaian, perkara yang paling mudah ialah menghapuskan kebergantungan kepada pekerja asing. Ini sepatutnya dilakukan sepuluh tahun yang lepas tetapi membawa masuk pekerja asing telah menjadi satu industri yang menguntungkan banyak pihak, lalu ada banyak tentangan kepada sebarang usaha untuk mengurangkan pekerja asing.

Mana tidaknya – seorang pekerja asing yang berdaftar melibatkan pembayar yuran kepada kerajaan, bayaran pemeriksaan kesihatan dan lain-lain yang mencecah sehingga RM7,000 ke RM8,000 setiap seorang. Mengikut Bajet 2017 yang dibentangkan di Parlimen, anggaran pendapatan Kerajaan Persekutuan dari hasil levi (atau yuran) ke atas pekerja asing dijangka naik 24% mencecah RM2.4 bilion setahun. Itu baru levi pendaftaran, bukan lagi pendapatan dari pelbagai hasil lain.

Reformasi Dasar Tenaga Kerja: *Hapus kebergantungan pekerja asing*



- **Mengurangkan 92% pekerja asing kepada 500,000 sahaja menjelang 2035 dengan 6 langkah:**
 - i. **Kuatkuasa undang-undang sedia ada, hanya dalam sektor & pekerjaan yang dibenarkan**
 - ii. **Ketatkan syarat dan kurangkan sektor**
 - iii. **Naikkan levi sebanyak 10% setiap tahun sehingga 2020**
 - iv. **Membenarkan pekerja asing menyertai kesatuan sekerja**
 - v. **Tabung insentif RM1 billion menggalakkan majikan menaiktaraf aplikasi teknologi**
 - vi. **Tetap sasaran pekerja asing hanya 500,000 menjelang 2035**

Reformasi Dasar Tenaga Kerja: *Naikkan gaji pekerja*




REFORMASI KETIGA

Menaikkan gaji pekerja

Saya telah huraikan di dalam bab sebelum ini sebab-sebab kenapa gaji pekerja Malaysia naik lebih lambat berbanding gaji pekerja di negara-negara lain. Jelas bahawa kegagalan kerajaan campur tangan lebih awal (untuk memperbetulkan kesan sampingan dasar tenaga kerja yang terlalu berpihak kepada majikan atas nama pertumbuhan ekonomi) telah menyebabkan kita terjerumus ke dalam masalah pasaran tenaga kerja yang lebih rumit.

Saya tahu akan ada pihak yang mengkritik keras pandangan saya bahawa kerajaan perlu campur tangan segera untuk menaikkan gaji pekerja Malaysia. Tokoh-tokoh ekonomi akan menuduh saya sebagai seorang ahli politik “populis” yang bercakap temberang demi mendapatkan undi.

Reformasi Dasar Tenaga Kerja: *Naikkan gaji pekerja*



Pengalaman Singapura melalui kaedah “tripartite” menaikkan gaji yang dilaksanakan oleh Majlis Gaji Kebangsaan

Reformasi Dasar Tenaga Kerja: *Naikkan gaji pekerja*



1

Kembalikan pengaruh kesatuan sekerja


2

Suruhanjaya Perundingan Gaji Negara (SPGN) tetapkan kenaikan tahunan

3

Sumbangan kerajaan dalam bentuk insentif, suntikan dana dan pelepasan untuk memastikan saranan SPGN mampu dilaksanakan


Mengurus perbendaharaan negara: *Wang cukup walau GST dihapuskan*



*% cukai pendapatan dari jumlah pendapatan negara
(Sumber: Kementerian Kewangan)*

Sejak tahun 2014, jumlah sumbangan cukai pendapatan kepada hasil keseluruhan kerajaan kekal tinggi pada paras 45% ke atas. Angka ini adalah lebih tinggi dari mana-mana tahun sejak 2000 lagi.

Mengurus perbendaharaan negara: *Wang cukup walau GST dihapuskan*



Peratusan sumbangan cukai pendapatan yang tinggi berbanding hasil lain (termasuk GST) kepada pendapatan kerajaan menunjukkan alasan kononnya kerajaan perlu mempelbagaikan sumbernya dengan mengutip cukai baru (kerana sumbangan cukai pendapatan adalah kecil dan tidak berkembang) adalah tidak benar juga.

Mengurus perbendaharaan negara: *Wang cukup walau GST dihapuskan*



	Jumlah (RM Billion)	Jumlah (RM Billion)
Jumlah perbelanjaan perbekalan bukan gaji atau kenaikan tetap	136.0	
Potensi penjimatan 15.5% jika pembaziran dibendung		21.0
Jumlah hutang negara	649.0	
Potensi penjimatan faedah hutang dengan penurunan 1% kadar bunga pinjaman jika reputasi kewangan negara dipulihkan		6.5
Jumlah Potensi Penjimatan		27.5
Anggaran kutipan GST		39.0

Mengembalikan keamanahan dalam pentadbiran kerajaan dengan senang mendatangkan hasil RM27.5 bilion

Tambahbaik mutu hidup rakyat: *Senarai tindakan Menteri Kewangan*



Tindakan Pertama:

Menstabilkan matawang ringgit dan melaksanakan pelan pemulihan nilai matawang Ringgit

Matawang ringgit adalah antara matawang yang paling corot prestasinya di rantau ini berbanding matawang-matawang lain. Memang benar beberapa perkembangan ekonomi global ada kesan kepada nilai matawang ringgit, tetapi prestasinya yang lebih teruk dari matawang lain menunjukkan ada juga masalah yang unik kepada ringgit (bukannya faktor ekonomi global dan kejatuhan harga minyak mentah semata-mata).

Kejatuhan nilai matawang ringgit membawa banyak masalah.

Tambahbaik mutu hidup rakyat: *Senarai tindakan Menteri Kewangan*



Tindakan Kedua:

Mengembalikan subsidi minyak dan memperkenalkan penambahbaikan dasar subsidi yang menghadkan penggunaan minyak bersubsidi kepada isipadu bulanan maksima

Pendirian saya mengenai subsidi minyak (diesel dan petrol) adalah sangat jelas sejak dari tahun 2010 lagi.

Subsidi minyak bukan sahaja wajar dikembalikan untuk mengawal harga minyak yang turun naik dengan mendadak kebelakangan ini. Bagi saya, ia juga soal prinsip kerana kekayaan minyak mentah negara ini wajar dikembalikan terus dalam bentuk subsidi kepada rakyat tanpa mengira latar belakang. Tanpa subsidi minyak, maknanya semua hasil minyak mentah negara akan dimasukkan ke Perbendaharaan terlebih dahulu dan tertakluk kepada keputusan pentadbiran Putrajaya sama ada ingin memulangkannya atau tidak kepada rakyat.

Tambahbaik mutu hidup rakyat: *Senarai tindakan Menteri Kewangan*



- 1. Semua rakyat Malaysia yang mempunyai lesen memandu berhak membeli minyak bersubsidi tertakluk kepada jumlah penggunaan maksima bulanan. Selagi penggunaan tidak melebihi jumlah penggunaan maksima bulanan, harga petrol dan diesel yang dibayar adalah harga bersubsidi. Bagi setiap liter yang digunakan melebihi jumlah penggunaan maksima bulanan, pengguna perlu membayar harga penuh tanpa subsidi.*
- 2. Sistem subsidi yang tertakluk kepada jumlah penggunaan maksima bulanan ini akan beroperasi menggunakan MyKad di stesen-stesen minyak. Kerajaan akan membangunkan satu perisian yang boleh menyimpan maklumat penggunaan minyak bersubsidi. Setiap kali pengguna membeli minyak, dia akan memasukkan MyKad untuk merekodkan jumlah penggunaan minyak bersubsidi.*

Tambahbaik mutu hidup rakyat: *Senarai tindakan Menteri Kewangan*



- 3. Harga minyak bersubsidi akan disemak setiap minggu tertakluk kepada harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan. Jika harga pasaran adalah lebih rendah dari harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan, tiada subsidi yang diberikan dan pengguna membayar harga pasaran tanpa sebarang cukai. Jika harga pasaran melebihi harga siling yang ditetapkan, pembayar membayar harga siling dan harga selepas itu diserap oleh kerajaan dalam bentuk subsidi minyak. Kerajaan hanya memberikan subsidi terhadap kepada jumlah penggunaan maksima bulanan.*
- 4. Mengambil kira suasana pasaran harga minyak mentah yang berlegar di antara USD45 ke USD55 setong dalam tempoh enam bulan lepas, saya mencadangkan harga siling sebanyak RM1.80 seliter (iaitu harga RON95 mengikut formula pada harga minyak mentah Brent sekitar USD45 setong).*

Harga minyak RON95 bersubsidi RM1.80 seliter

Tambahbaik mutu hidup rakyat: *Senarai tindakan Menteri Kewangan*



5. *Saya juga mencadangkan jumlah minyak bersubsidi tahunan ditetapkan pada jumlah 20% dari keseluruhan penggunaan petrol dan diesel tahunan. Berdasarkan jawapan Parlimen yang diberikan dalam tahun 2014, jumlah penggunaan petrol dan diesel oleh rakyat Malaysia setahun (bagi tahun 2017) diunjurkan sebanyak 27 bilion liter setahun. Oleh itu, sebanyak 5.4 bilion liter petrol dan diesel bersubsidi diperuntukkan kepada rakyat Malaysia setahun dan jumlah penggunaan maksima bulanan untuk setiap rakyat Malaysia yang layak boleh ditetapkan menggunakan had tahunan 5.4 bilion liter.*

Perbelanjaan subsidi minyak sebanyak RM1 billion setahun bagi 2018

Tambahbaik mutu hidup rakyat: *Senarai tindakan Menteri Kewangan*



Tindakan Ketiga:

Menggabungkan kesemua jabatan dan bantuan kebajikan termasuk BR1M di bawah Jabatan Kebajikan dan Perkhidmatan Masyarakat

Sementara saya tidak mempunyai masalah dengan konsep bantuan tunai kepada kumpulan yang memerlukan, jumlah penerima BR1M yang tinggi menunjukkan ia bukan lagi kaedah yang berkesan untuk menyalurkan subsidi kepada kumpulan sasaran.

Tambahbaik mutu hidup rakyat: *Senarai tindakan Menteri Kewangan*



Tindakan Keempat:

Memuktamadkan Pelan 5 Tahun untuk menyelesaikan ebergantungan kepada import makanan

Salah satu punca utama kepada kenaikan harga barang yang tidak menentu ialah pergantungan kepada barang makanan import. Dengan kejatuhan nilai matawang ringgit, ini sudah tentu melonjakkan lagi harga makanan.

Kerajaan Barisan Nasional telah membelanjakan berpuluh billion ringgit sejak 20 tahun lalu atas alasan mahu membina keberdikarian Malaysia dalam pengeluaran makanan. Sehingga sekarang sasaran ini tidak dipenuhi dan skandal NFC menjadi lambang kegagalan segala projek berhubung keberdikarian pengeluaran makanan.

Tambahbaik mutu hidup rakyat: *Senarai tindakan Menteri Kewangan*



Tindakan Kelima:

Menghapuskan cukai eksais kereta dan menurunkan harga kereta

Janji utama pakatan pembangkang untuk menghapuskan cukai eksais kereta dan menurunkan harga kereta adalah antara langkah-langkah yang tidak boleh dilengah-lengahkan.

Penghapusan cukai eksais kereta dijangka akan memberi tambahan wang bagi setiap isi rumah di antara RM100 hingga RM300 setiap keluarga, bergantung kepada pinjaman kereta yang dibuat.

TERIMA KASIH

PANDUAN
Bina Semula
Negara.